

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN IGNATIUS DORELL
LEIKING [PENAMPANG]**

TARIKH : 8 JUN 2015 (ISNIN)

SOALAN :

YB Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jika jaminan Perlembagaan Persekutuan ke atas penggunaan Bahasa Inggeris secara penuh di dalam Parlimen oleh ahli-ahli Parlimen dari Sabah dan Sarawak menurut Artikel 161(2) Perlembagaan Persekutuan masih kekal dan tidak ada halangan ke atas penggunaan Bahasa Inggeris di dalam Parlimen oleh ahli-ahli Parlimen dari Sabah dan Sarawak ketika mengambil bahagian dalam perdebatan dan perbahasan.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, merujuk kepada Fasal 2, Perkara 161, Perlembagaan Persekutuan, penggunaan bahasa Inggeris di dalam mana-mana satu Majlis Parlimen adalah terpakai sehingga 10 tahun selepas hari Malaysia sahaja. Penggunaan bahasa Inggeris di dalam mana-mana satu Majlis Parlimen kini adalah tertakluk kepada Akta Bahasa Kebangsaan 1967 [Akta 32] dan Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Di bawah seksyen 5, Akta 32, penggunaan bahasa Inggeris boleh dibenarkan dalam Parlimen apabila Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Yang di-Pertua Dewan Undangan mana-mana Negeri, atau seseorang lain yang sedang menjalankan fungsi mana-mana jawatan itu, boleh membenarkan seseorang anggota mana-mana satu Majlis Parlimen atau seseorang anggota Dewan Undangan menggunakan bahasa Inggeris apabila memberikan ucapan kepada, ataupun apabila mengambil bahagian dalam kerja, Majlis Parlimen atau Dewan Undangan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Perkara ini adalah selaras dengan Peraturan Mesyuarat 8, Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat yang menyatakan bahawa bahasa rasmi Majlis ialah Bahasa Malaysia, tetapi Yang di-Pertua boleh membenarkan penggunaan bahasa Inggeris.

Sekian. Terima kasih.